

08 AUG 1997

LEAD Mahathir-Islam

BATAL UNDANG-UNDANG TIDAK SESUAI, PERJELAS BIDANG KUASA

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata undang-undang syariah yang digubal oleh negeri-negeri jika tidak sesuai dengan ajaran Islam akan dibatalkan manakala bidang kuasa dan peranan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Islam akan diperjelaskan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan perlu mengambil tindakan itu bagi menentukan undang-undang syariah di negara ini ditadbir secara betul dan undang-undang Islam merupakan undang-undang yang adil dan tidak menekan sesiapa.

"Kita akan batalkan undang-undang yang tidak sesuai dan ajaran Islam juga tidak menyuruh kita bertindak secara ekstrim dan menindas umat sendiri. Ada kalanya tumpuan diberi kepada soal-soal seperti ini (pelaksanaan hukum) hingga ia bukan membetulkan masyarakat Islam dan membawa kepada jalan yang benar, sebaliknya ia menimbulkan pecah belah dan melemahkan umat Islam.

"Kita boleh kata reformasi (undang-undang syariah) tetapi yang penting ialah kita kaji semula kerana sudah ada salah tafsir mengenai kuasa yang diberi (kepada pegawai-pegawai agama) umpamanya mufti," kata beliau ketika menjawab pertanyaan pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, sebuah jawatankuasa yang ditugaskan bagi menyeragamkan pelaksanaan undang-undang syariah di negara ini akan turut mengkaji undang-undang yang tidak sesuai itu dan memperjelaskan peranan dan bidang kuasa pegawai-pegawai agama.

Perdana Menteri berkata, Majlis Tertinggi Umno telah membincangkan secara panjang lebar masalah itu kerana kini terdapat beberapa golongan yang dengan mudah mendakwa diri mereka ulama manakala mufti pula mengeluarkan fatwa sesuka hati.

"Kita bincang dengan panjang lebar dan berpendapat bahawa perkara yang jadi masalah dan salah faham ialah mengenai kedudukan pihak-pihak tertentu umpamanya soal siapa dia ulama. Sekarang ini banyak mendakwa diri mereka ulama dan dengan itu menjadi waris nabi dan apa yang dikatakan oleh mereka tidak boleh ditolak oleh sesiapa.

Mufti pula adalah seorang penasihat agama yang diberi kuasa untuk membuat fatwa tetapi beliau hanya boleh membuat fatwa mengenai kekeliruan pada tafsiran agama Islam yang dirujuk kepadanya dan bukanlah hak mufti untuk membuat fatwa sesuka hati, katanya.

Dr Mahathir berkata, terdapat sesetengah undang-undang syariah di negeri-negeri yang memberi kuasa kepada mufti untuk mengeluarkan fatwa dan membatalkan sesuatu fatwa.

Mufti sepatutnya hanya boleh mengeluarkan fatwa selepas berbincang dengan sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada pelbagai golongan berpelajaran tetapi tidak semestinya pelajaran yang berkaitan dengan Islam sahaja, katanya.

Ketika ditanya mengenai keanggotaan jawatankuasa yang akan mengkaji undang-undang syariah di negara ini, Dr Mahathir berkata, ia akan dipilih daripada kalangan cerdik pandai dalam pelbagai bidang.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan memastikan jawatankuasa yang mengeluarkan fatwa itu turut melibatkan wakil wanita kerana pandangan kaum itu juga perlu bagi menjamin keadilan.

Selain itu, beliau berkata, fatwa yang dikeluarkan oleh mufti juga tidak semestinya menjadi undang-undang sehingga ia diwartakan oleh kerajaan negeri.

Mengenai siapa yang akan mengetuai jawatankuasa itu, beliau berkata: "Ada satu orang namanya Dr Mahathir".

Sementara menunggu kajian itu selesai, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri diminta supaya menanggukuhkan penguatkuasaan undang-undang yang difikirkan boleh menimbulkan persoalan dan bagi memastikan umat Islam tidak teraniaya, katanya.

Dr Mahathir turut merujuk kepada tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang mendakwa tiga gadis Islam yang mengambil bahagian dalam satu pertandingan ratu cantik baru-baru ini.

"Walaupun kita (Umno) bersetuju supaya tidak diadakan pertandingan ratu cantik ini dengan melibatkan orang Islam tetapi cara kita melarang ialah dengan menasihati. Islam pun tidak mahu kita menggunakan kekerasan tetapi sebaliknya memberi nasihat untuk membetulkan segala penyelewengan dalam ajaran Islam," katanya.

Ketika ditanya kemungkinan tindakan kerajaan mengkaji semula undang-undang syariah itu akan dijadikan isu politik oleh parti-parti pembangkang, beliau berkata, Umno tidak hairan jika PAS menggunakannya sebagai isu politik.

"Memang kita percaya ia akan dijadikan isu politik kerana PAS bukan berpegang kepada agama tetapi dia berpegang kepada politik parti dia sahaja," katanya.

Perdana Menteri berkata, apa yang cuba dilakukan kerajaan, terutama Umno, adalah bagi memastikan imej Islam tidak tercemar akibat tindakan-tindakan yang terlalu ekstrim manakala pelaksanaan undang-undang syariah di negara ini pula perlu mengikut keutamaan. -- BERNAMA.

AH PR